

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**RQK 359 – EKONOMI BINAAN II**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. Jawab **Soalan 1 (WAJIB)** dan **TIGA** soalan lain.

**Soalan 1 (WAJIB)**

1. (a) "Pengurusan Nilai (VM) lebih mementingkan konsensus kumpulan daripada kehendak individu".

Bincangkan ulasan di atas dan kaitkan impak VM dengan 'Design Team Synergies' dan 'Group Dynamics'.

- (b) "Objektif utama kajian VM tidak seharusnya dikaburi oleh objektif sesuatu Bengkel VM".

Bincangkan dan nyatakan dengan jelas apa yang dimaksudkan dengan pendekatan sistematik VM serta kaitkannya dengan suatu jadual Bengkel VM yang mengandungi enam (6) fasa.

- (c) Bezakan konsep VM dengan konsep 'cost reduction' serta kaitkan bagaimana unsur-unsur 'unnecessary costs' boleh mempengaruhi sesuatu rekabentuk.

- (d) Kaitkan bagaimana konsep kekreatifan dapat ditonjolkan di dalam sesuatu usaha VM dan nyatakan bagaimana seorang Juruukur Bahan boleh memanfaatkan kekreatifan ini.

- (e) Dengan panduan gambarajah, huraikan tentang konsep 'Cost Reduction Potential vs Cost to Change', menggunakan RIBA Plan of Work sebagai garis panduan.

- (f) " 'Facilitation' merupakan suatu kepakaran wajib untuk seseorang VMTC".

Bincangkan dengan ringkas.

( 40 markah )

2. (a) Dengan menggunakan format ECA – Elemental Cost Analysis, bincangkan tentang faktor-faktor utama yang mempengaruhi kos untuk bangunan-bangunan tersebut:
- (i) Bangunan 'Hanger' untuk membaikpulihan jet-jet Boeing 747 MAS.
  - (ii) Tadika seperti Tadika Pusat Islam, USM.
- (b) Dengan panduan gambarajah, jelaskan tentang bagaimana isu-isu bersabit dengan teknik rekabentuk mustahak dari sudut pengurusan kos.

( 20 markah )

3. (a) Bincangkan tentang 'D.J. Ferry's Three-Stage Cost Planning Strategies' serta nyatakan peranan seorang Juruukur Bahan di dalamnya.
- (b) Jelaskan tentang kawalan kos di tahap penyediaan Lukisan Terperinci (Production Drawing Stage) serta ketengahkan konsep 'cost reconciliation'.

( 20 markah )

4. (a) "Teknik 'Whole-Life Costing' atau 'Life Cycle Costing' tidak mudah dipraktikkan walaupun sempurna dari sudut teori".
- Bincangkan tentang manfaat-manfaat dan had-had yang terdapat di dalam penggunaan konsep ini; jelaskan juga tentang:
- (i) Life Cycle Cost Planning
  - (ii) Life Cycle Cost Analysis
  - (iii) Life Cycle Cost Management
- (b) Bincangkan bagaimana penggunaan Decision Analysis Matrix boleh memantapkan lagi suatu usaha VM.

( 20 markah )

5. (a) "Peranan seorang Juruukur Bahan di dalam Environmental Economics boleh ditinjau dari beberapa sudut".

Bincangkan ulasan di atas berpandukan pandangan sepertimana yang diajukan oleh Ivor Seeley. Kaitkan jawapan anda dengan 12 isu-isu yang bersabit dengan persekitaran.

- (b) Dengan ringkas, bincangkan tentang 'Cost Benefit Analysis' dan aplikasinya terhadap keputusan pembangunan.

( 20 markah )